



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**16 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**16 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)**



OLEH WAI TEE  
Penulis Bebas

**S**yok betul dapat ke Dataran Merdeka pada 31 Ogos lalu. Bayangkan sudah dua tahun tak dapat berkumpul, terasa sungguh kemerdekaan!

Siapa yang suka dijajah? Jiwa terkongkong, otak terperuk, pergerakan terbatas. Kita mungkin tidak dijajah seperti zaman tok nenek kita dahulu, tetapi selepas tiga bulan terkurung di rumah sendiri semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sudah cukup mengajar kita erti sebuah kemerdekaan.

'Merdeka' untuk bermain, beriadah, berkumpul dan melepak pada bila-bila masa yang kita suka. Lebih rasa merdeka bila melihat aset-aset pertahanan negara dipamerkan di depan mata dengan abang-abang 'sado' menayangkan 'kekuatan' mereka.

Jadi, janganlah bersikap sambil lewa dengan kemerdekaan. Generasi baharu harus mengisi kemerdekaan dengan meningkatkan jati diri supaya memiliki daya juang yang kental, kreatif, inovatif, berintegriti, tidak rasuah dan tidak bermentaliti subsidi.

Jiwa, minda dan semangat merdeka mestilah sentiasa subur supaya patriotisme sentiasa tinggi dan cinta terhadap negara sentiasa mendalam. Ini yang biasa kita dengar. Datang ke Dataran Merdeka, pasang bendera di rumah, di pejabat, di kenderaan dan di taman perumahan adalah sebahagian manifestasi nikmat kemerdekaan itu.

OGY kali ini membawa pendekatan sedikit berbeza. Kita tidak bercakap berkenaan rakyat biasa tetapi usul untuk negara lahirkan pengguna merdeka.

32 juta rakyat Malaysia adalah pengguna! Malah, masyarakat pengguna di Malaysia sebenarnya lebih daripada itu jika pelancong, perniastautin dan pendatang dihitung sekali. Jika semua pengguna benar-benar merdeka, impaknya sangat besar kepada negara! Merdeka yang bagaimana?

#### Merdeka dalam memiliki

Pengguna yang merdeka adalah mereka yang tidak menjadi hamba kepada nafsu dan kehendak tetapi membeli ikut keperluan. Pengguna merdeka tidak taasub kepada jenama tetapi utamakan kualiti dan keupayaan poketnya.

Pengguna Merdeka tidak taasub kepada kedai tertentu. Jika sebuah kedai naikkan harga, beralih sahaja kepada

# Jom lahirkan pengguna merdeka!



Kemerdekaan bukan hanya berkaitan cara sambutan tetapi kejayaan dalam memerdekakan diri daripada nafsu kehendak dan menjadi warga pengguna yang bijak.

premis lain yang memberikan tawaran lebih menguntungkan dirinya.

Pengguna yang merdeka selalunya mempunyai teknik pembelian dan melalui strategi itu dia dapat tawaran yang terbaik ketika membeli atau mendapat diskaun yang lumayan.

Justeru, salah satu ciri pengguna yang merdeka adalah mereka mempunyai ilmu literasi kewangan yang baik dan sentiasa mengawal pengaliran keluar masuk wang kerana dengan ilmu dia dapat merancang pembelian bagi mendapatkan nilai yang terbaik untuk wang mereka.

Susah? Alah bisa tegal biasa. Biasakan yang betul, betulkan yang biasa! Itu yang kita pelajari daripada virus Covid-19 yang telah menghantui kita selama dua tahun. Masih ingat?

Apa yang penting, pengguna merdeka tidak mungkin terperangkap dalam jurang hutang yang menjahanamkan. Malah lebih penting lagi, pengguna merdeka kurang terkesan dengan inflasi.

#### Merdeka dengan lokal

Pengguna yang merdeka sentiasa melihat negaranya lebih utama berbanding dirinya sendiri, tetapi tidaklah seperti liliin sehingga membakar diri sendiri. Justeru, membangunkan semula ekonomi negara yang terjejas teruk akibat Covid-19 adalah percubaan semangat merdeka rakyat Malaysia yang sejati.

Menghidup dan merancakkan semula ekonomi negara akan menyebabkan wang berkitar, bekalan di pasaran akan bertambah, produk baharu akan dilahirkan dan hasilnya, pekerja tidak akan hilang pekerjaan.

Pengguna merdeka akan sentiasa mendukung barang lokal dan sentiasa memberi keutamaan kepada barang buatan Malaysia, produk dan jenama Malaysia. Sematkan dijiwa Kempen Beli Barang Malaysia adalah slogan murni anak Malaysia yang merdeka sepanjang zaman, bukannya bermusim.

Kualiti produk Malaysia tidak kurang hebatnya. Begitu juga dengan penampilan dan gayanya, malah menepati cita rasa kita sendiri.

Kita belum lagi merdeka kalau masih mementingkan jenama asing dan meminggirkan produk tempatan, sedangkan banyak produk kita telah dieksport ke luar negara.

Hanya jiwa yang tidak merdeka sahaja yang merasa *inferior* dan memperlekehkan produk sendiri. Kita mungkin antara anasir yang menyebabkan produk kita tidak mendapat perhatian dan tidak berkembang untuk bersaing di pasaran dunia.

#### Merdeka pertahankan hak pengguna

Pengguna yang merdeka adalah mereka yang tahu hak sebagai pengguna dan berani bertindak mempertahankan hak. Berani bertindak dalam arti kata lain, berani membuat aduan jika terdapat anasir yang menipu atau *scam*. Melaporkan kepada pihak berwajib jika terdapat peniaga tidak beretika dan memanipulasi pengguna.

Pengguna merdeka juga adalah mereka yang tahu dan berani membuat tuntutan tebus rugi dan tidak membiarkan penipu dan *scammer* bermaharajalela memperdayakan pengguna lain.

Pengguna merdeka akan sedia berkongsi pengalaman dan maklumat

“

‘Merdeka’ untuk bermain, beriadah, berkumpul dan melepak pada bila-bila masa yang kita suka. Lebih rasa merdeka bila melihat aset-aset pertahanan negara dipamerkan di depan mata dengan abang-abang ‘sado’ menayangkan ‘kekuatan’ mereka.”

agar lebih ramai pengguna menjadi celik maklumat sama ada terhadap peniaga, produk maupun platform pembiaran agar wujud ekosistem jual-beli yang kondusif tanpa scam dan pencatutan.

Hanya jiwa dan orang yang benar-benar merdeka akan sentiasa menjaga keharmonian hidup berbilang kaum, agama dan budaya berdasarkan kontrak sosial Perlembagaan Malaysia yang telah disepakati bersama.

Minda yang merdeka tidak hanya mendengar dan mendendangkan lagu Saya Anak Malaysia, Jalur Gemilang, Dirgahayu Malaysia dan lain-lain lagu patriotik.

Terjemahkanlah jiwa merdeka dan suburkan rasa cinta serta cuburkan kebercian agar Malaysia menjadi negara madani dan progresif serta muncul semula menjadi Negara Majmuk Contoh yang dihormati seantero dunia. Amin.

Dirgahayu Malaysia! Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-65 dan Hari Malaysia 2022.

## Bajet 2023: KPDNHEP mohon peruntukan lebih tinggi

**SEmenyih:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mohon peruntukan yang lebih tinggi dalam Bajet 2023 bagi membantu pelaksanaan langkah-langkah mengawal kenaikan harga barang.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, peruntukan yang lebih tinggi dapat membantu pihaknya memperluaskan program seperti 'community drumming' bagi membantu penduduk di luar kawasan bandar dan pedalaman mendapatkan barang keperluan pada harga lebih murah.

Katanya, kerajaan menyerap kos pengangkutan bagi tujuh barang keperluan asas iaitu beras, gula, minyak masak, tepung, gas petroleum cecair, minyak diesel dan petrol RON 95 menerusi program berkenaan.

"Harga barang keperluan di kawasan luar bandar agak tinggi jika tidak dibantu dari segi kos logistik dan pengangkutan.

"Kita mahu semua rakyat Malaysia dibantu sama ada mereka yang tinggal di bandar maupun luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pasar raya Lulu di pusat beli belah Setia Ecohill di sini, semalam.

Lulu Group memasuki pasaran Malaysia pada 2016 dan kini menggaji lebih 500 kakitangan di empat buah pasar raya besarnya di sini.

Sementara itu, Pengurusi & Pengarah Urusan Kumpulan Lulu, Yusuff Ali MA, berkata, pihaknya komited untuk melaksanakan pelan pengembangan di negara ini.

# Peruntukan lebih tinggi bantu kawal harga barang

Pelbagai program dirancang menerusi Bajet 2023 bolehkan rakyat bayar murah

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Kementerian** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berharap dapat menerima peruntukan yang lebih tinggi dalam Bajet 2023 bagi membantu pelaksanaan langkah mengawal kenaikan harga barang.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata menerusi belanjawan yang lebih besar, kementerian dapat memperluaskan program seperti 'community drumming' bagi membantu penduduk di luar kawasan bandar dan pedalaman mendapatkan barang keperluan pada harga lebih murah.

Katanya, menerusi program berkenaan, kerajaan menyerap kos pengangkutan bagi tujuh barang keperluan asas iaitu beras, gula, minyak masak, tepung, gas petroleum cecair, minyak diesel dan petrol RON 95.

"Harga barang keperluan di kawasan luar bandar agak tinggi jika tidak dibantu dari segi kos logistik dan pengangkutan, kita



Alexander Nanta Linggi meninjau barang selepas perasmian pasar raya Lulu Hypermarket di pusat beli-belah Setia Ecohill Mall, Semenyih, semalam.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

mahu semua rakyat Malaysia dibantu sama ada mereka yang tinggal di bandar maupun luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pasar raya kelima Lulu Hypermarket di Malaysia di pusat beli-belah Setia Ecohill Mall, Semenyih, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Lulu, Yusuff Ali.

Bersempena dengan pembukaan itu, Lulu Hypermarket mewarkan banyak tawaran dan aktiviti menarik untuk pelanggan mulai 15 September 2022 dan seterusnya.

Pada hari yang sama dengan pembukaan kedai baharu, Lulu Hypermarket melancarkan 'Kempen Beli Produk Malaysia 2022'.

Bersama dengan KPDNHEP,

kempen itu bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kualiti produk tempatan dan membantu meningkatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutama mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

#### Buka lebih banyak kedai

Sementara itu, Yusuff berkata, seperti yang dijanjikan ketika perasmian pasar raya hiper pertamanya di Malaysia, kumpulan itu komited dalam rancangan pengembangannya di negara ini.

"Kumpulan LuLu komited melancarkan lebih banyak kedai baharu di bahagian lain di Malaysia.

"Tidak lama lagi akan ada kedai LuLu di Toppen Mall Johor Bahru, Mayang Mall Kuala Te-

rengganu dan di Larkin Junction Johor Bahru sebelum suku pertama 2023," katanya.

Pasar raya kelima Lulu Hypermarket di Setia Ecohill Mall mempunyai keluasan sekitar 36,000 kaki persegi dan direka bentuk menggunakan konsep ruang runcit terkini serta teknologi paling moden untuk kemudahan membeli-belah yang akan memanfaatkan 600,000 penduduk setempat.

Pasar raya terletak di aras satu, manakala gedung serbaneka di aras dua dengan premis mempunyai bahagian khusus untuk barang runcit, produk tenusu, ikan dan makanan laut, buah-buahan dan sayur-sayuran, daging dan ayam, barang kering, pakaian fesyen, elektronik, teknologi maklumat (IT), alat tulis, sukan, kasut serta bagasi.

ESSENTIAL ITEMS

# MINISTRY SEES HIGHER ALLOCATION IN 2023 BUDGET

Funds to be used to help consumers, firms deal with soaring costs of goods

AZANIS SHAHILA AMAN  
SEMENTYAH  
bt@nst.com.my

**T**HE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry expects a higher allocation in the 2023 Budget to implement measures to help consumers and companies cope with the soaring costs of goods.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the allocation would help expand its Community Drumming programme so that more consumers could buy essential goods at standardised prices.

He said under the programme, the government would absorb the cost of transport for seven basic necessities, namely rice, sugar, cooking oil, flour, liquefied



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (left) speaking to employees at the LuLu Supermarket and Department Store in Setia Ecohill Mall, Semenyih yesterday. PIC BY AMIRUDIN SAHIB

petroleum gas, diesel and RON 95 petrol.

"The prices of essential goods in rural areas are quite high. Thus, we believe this programme will help all Malaysians," he said at the launch of LuLu Supermarket and Department Store in Setia Ecohill Mall, here, yesterday.

The United Arab Emirates-based LuLu Group is one of the largest retail operators in Malaysia and the store at Setia Ecohill Mall is its fifth in the country.

In conjunction with the launch, attractive offers and activities have been lined up for cus-

tomers.

LuLu also launched the "Buy Malaysian Products Campaign 2022" yesterday in association with the ministry.

The campaign aims to raise public awareness of local products and boost small and medium enterprises.

## Gula-gula babi tidak dijual di kedai

**Semenyih:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan tiada gula-gula mengandungi unsur babi dijual di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bagaimanapun menerima maklumat produk berkenaan dijual di pasaran dalam talian.

Berikut itu, Alexander meminta pengguna berhati-hati dan tidak membuat pembelian jika mendapati ada bahan yang meragukan dalam sesuatu produk.

"Setakat ini saya difahamkan produk ini tidak dijual di kedai-kedai cuma boleh didapati melalui dalam talian.

"Kepada pengguna te-ngoklah kalau benda itu ma-cam tak

betul, jangan beli," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Ca-wangan Baharu Lulu Hypermarket, Kedai Serbaneka Ecohill dan Kempen Beli Barangan Malaysia 2022 di sini, semalam.



ALEXANDER

Alexander berkata, pihaknya akan terus berpandukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam hal berkaitan status halal dan haram.

"Penguat kuasa KPDNHEP memang melihat hal ini dan Jakim sudah mengeluarkan kenyataan.

"Jadi, kita berpandukan Jakim berkaitan halal atau tidak halal," katanya.

Selasa lalu, kecoh dalam kalangan pengguna laman sosial mengenai satu jenama gula-gula yang didakwa mengandungi unsur babi, tetapi mempunyai tanda halal pada pembungkus.

Menerusi ciapan yang dihantar satu akaun Twitter, kelebihan 'ge-latin babi' tersebut

tak dalam senarai bahan-bahan produk itu, selain bahan

lain yang biasa digunakan bagi pembuatan gula-gula.

Hal itu bukan hanya mengejutkan, malah membuatkan netizen ternanya-tanya, bagaimana gula-gula berkenaan boleh dijual di pasaran.

Lebih membimbangkan, gula-gula berkenaan juga dijual dengan terbuka di sebuah platform jual beli dalam talian.

Menerusi ruangan balas, kelebihan netizen berbin-cang mengenai perkara berkenaan dan mencadangkan supaya laporan kepada pi-hak berwajib dibuat.

Dalam pada itu, akaun Facebook Bahagian Hab Halal, Jakim menerusi hantarnya memaklumkan produk berkenaan menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf oleh Jakim.

Justeru, penggunaan logo halal itu adalah menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 dan boleh dikenakan tindakan melalui peruntukan perundangan yang berkaitan di negara ini.

# Denda sehingga RM2j jika jual RON95 kepada warga asing

Pengusaha stesen minyak diberi amaran keras demi lindungi hak rakyat

oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Pengusaha stesen minyak diberi amaran keras agar tidak menjual petrol bersubsidi kepada warga asing.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata tindakan itu untuk melindungi hak rakyat kerana petrol subsidi disediakan untuk mereka.

"Saya minta operator atau pemilik stesen minyak tidak menjual petrol subsidi kepada rakyat asing."

"Jika didapati bersalah, individu yang didapati membeli petrol subsidi boleh dikenakan denda maksimum RM1 juta atau penjara tiga tahun, manakala pengusaha stesen minyak boleh denda maksimum RM2 juta," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran kempen Beli Barang Malaysia 2022 di Pasar Raya Lotus's Shah Alam, di sini, semalam.

**Erceta Singapura iutu RON95**

Kelmarin, media melaporkan sebuah kenderaan bernombor pendaftaran Singapura dirakam orang awam di sebuah stesen minyak dekat Gelang Patah, Johor, dipercayai menggunakan bantuan kenderaan tempatan untuk mengisi RON95.

Video yang dimuat naik di YouTube oleh SG Road Vigilante, beberapa hari lalu itu memaparkan seorang lelaki berbaju hitam sedang mengisi minyak kenderaannya dan nozel yang dipegang adalah berwarna kuning, iaitu petrol RON95.

Pengarah KPDNHEP Negeri Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro dilaporkan berkata, kejadian itu kini dalam pengetahuan pihaknya dan siasatan sedang dijalankan.

Di Kota Bharu, tindakan seorang lelaki yang kerap mengisi petrol untuk kereta dipandunya berjaya dipatahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) awal pagi semalam.

Hasil serbuan di sebuah stesen minyak di Taman Uda Murni di sini, jam 2.30 pagi itu berjaya merampas 1,200 liter petrol.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Azman Ismail, berkata petrol itu diisi dalam 40 tong jerikin yang diletakkan di bat kereta dan tempat duduk penumpang belakang.

Katanya, petrol berkenaan dipercayai untuk dibawa ke negara Iran.

Bagaimanapun, katanya, suspek berjaya mlarikan diri ketika serbuan selepas menyedari kenderaannya diekori pasukan operasi.



Rosol (kiri) bersama penerima anugerah Pembekal PKS Lotus's Terbaik pada majlis pelancaran kempen Beli Barang Malaysia 2022 di Pasar Raya Lotus's Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar /BH)

# KBBM 2022 sasar jualan RM3 bilion

Oleh MOHAMAD NAUFAL  
MOHAMAD IDRIS

**SHAH ALAM** – Kerajaan menunjurkan jualan lebih daripada RM3 bilion daripada Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2022 yang sedang berlangsung kini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, nilai sasaran itu mampu dicapai bersandarkan pembukaan semula ekonomi di negara ini dengan pelbagai aktiviti perniagaan yang semakin aktif dijalankan.

"Pada tahun lepas melalui kempen sama, kempen ini berjaya memperoleh nilai jualan produk sebanyak RM3.2 bilion.

"Terdapat banyak produk

tempatan yang berkualiti seperti daripada segmen produk makanan, pakaian dan peralatan elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran KBBM 2022 di Pasaraya Lotus's, Seksyen 13 di sini semalam.

Menurut Rosol, kempen terbaik yang telah berlangsung sejak tahun 1984 itu akan terus dilaksanakan bagi mengalakkan masyarakat untuk terus membeli produk keluaran syarikat tempatan.

Tambah beliau, selain dapat menggalakkan pembelian barang tempatan ia juga membantu untuk memacu pertumbuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Seberhana (PMKS).

"Saya berharap masyarakat

dapat menyokong usaha murni ini, demi manfaat kedua-dua belah pihak," ujarnya.

Sementara itu, Rosol berharap Kementerian Kewangan dapat menambah peruntukan kementeriannya bagi memperkasakan industri francais bagi Belanjawan 2023.

Menurut beliau, penambahan peruntukan untuk pemerkasaan industri itu penting kerana sektor francais mencipta banyak peluang pekerjaan baharu.

"Kalau tak dapat tambah pun, saya harap jangan potong peruntukan sektor francais seperti belanjawan lalu.

"Kalau tak silap saya, kementerian dapat RM4 juta untuk pemerkasaan industri francais pada Belanjawan 2022," katanya.



ROSOL (tengah) melancarkan KBBM 2022 di Pasar raya Lotus's, Seksyen 13, Shah Alam semalam.

# Beli barang tempatan



**Analisis Semasa**

Bersama  
**MOHD. SHAZWAN YUSOP**

**KEBANYAKAN** pengguna terutamanya mereka ‘berduit’ melihat produk tempatan sebagai ‘low class’ berbanding jenama terkemuka lain dari luar negara.

Ini terbukti apabila ramai berbangga menggunakan beg tangan jenama import seperti Birkin dan Louis Vuitton berbanding beg tangan rekaan anak tempatan.

Hakikatnya, barang keluaran tempatan tidak kalah dari aspek reka bentuk berbanding jenama dari luar negara.

Antara jenama Malaysia yang berjaya menempa nama ke peringkat antarabangsa adalah barang kulit keluaran Bonia, teleung Siti Khadijah serta jenama pakaian BritishIndia.

Pensyarah Kanan Jabatan Reka Bentuk Perindustrian, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia, Dr. Sazrinee Zainal Abidin berkata, pereka tempatan sudah mampu mereka sesuaikan produk bersesuaian dengan kegunaan di luar negara.

“Saya melihat pereka-pereka muda tempatan telah merdekakan minda mereka dalam menghasilkan reka bentuk. Banyak elemen-elemen berkonsepkan Malaysia dima-

sukkan dalam reka bentuk.

“Ia selari dengan perjuangan kemerdekaan dan mendaulakan tanah air tercinta. Kita boleh melihat kesatuan hati Keluarga Malaysia diterjemahkan dalam setiap reka bentuk produk,” katanya.

Bagi memastikan jenama Malaysia terus mendapat tempat di hati masyarakat global, penyelidikan dan pembangunan dalam industri reka bentuk perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Cepat berasa selesa dengan kejayaan terdahulu, tanpa inovasi dan penyelidikan berterusan akan membuatkan sesuatu produk itu tidak mampu bertahan lama dalam pasaran.

Persoalannya, apakah masyarakat di negara ini mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan merasa bangga apabila menggunakan barang buatan tempatan?

Lihat sahaja masyarakat luar seperti di negara Korea Selatan yang rata-ratanya menggunakan barang jenama sendiri seperti Samsung dan Hyundai.

Dr. Sazrinee memaklumkan, masyarakat tempatan haruslah sentiasa memperjuang dan mempertahankan persepsi bahawa jenama Malaysia selaku pengeluar produk terbaik.

Orang ramai diseru mengutamakan penggunaan produk tempatan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat.

Ia selari dengan Kempen Beli

Barangan Malaysia anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam usaha menaikkan semangat patriotisme, ekonomi domestik, kesedaran kualiti produk dan membantu pengusaha tempatan.

“Setakat Julai tahun ini, negara telah menunjukkan perkembangan perdagangan berjumlah RM252.6 billion iaitu peningkatan sebanyak 39.8 peratus berbanding tahun 2021.

“Produk-produk Malaysia dieksport ke negara luar pula adalah RM134.1 billion dari jumlah dagangan keseluruhan sehingga Julai,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd. Dali berkata, produk tempatan masih ketinggalan dari aspek penjenamaan.

Jelasnya, pemilik jenama tempatan seharusnya memberanikan diri untuk membuat sedikit pelaburan.

“Salah satu kekurangan produk tempatan adalah populariti jenama. Kalau kita cerita pasal kasut, ramai akan memilih jenama Adidas dan Nike.

“Berbeza dengan produk tempatan, ia kurang dikenali sekali gus menyukarkan pengguna tempatan membelinya. Selain itu, saya dapat kualiti produk tempatan masih ada ruang untuk ditingkatkan terutamanya dari aspek pembungkusan,” terangnya.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 16/09/2022  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	<b>RM7.49</b>
Daging Lembu Tempatan	<b>RM40</b>
Daging Lembu Import	<b>RM44.90</b>

Telur Gred A	<b>RM13.35</b>
Ikan Kembung	<b>RM13.90</b>
Minyak Masak	<b>RM7.45</b>

Gula Pasir	<b>RM2.84</b>
Bawang Besar Holland	<b>RM2.89</b>
Bawang Putih	<b>RM5.89</b>

Cili Merah	<b>RM13</b>
Kubis Bulat Tempatan	<b>RM4</b>
Tepung Gandum	<b>RM3.19</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP